

## **PENGARUH MEDIA TERHADAP SOKONGAN KEPADA PARTI POLITIK DI MALAYSIA**

*(The Influence Of Media On Support Of Political Parties In Malaysia)*

Nur Ellyanis Mohd Basori & Junaidi Awang Besar

### **ABSTRAK**

Akses sumber maklumat kini wujud dalam pelbagai jenis sama ada melalui media cetak mahupun media elektronik. Tidak kiralah apa bentuk dan rupa sumber maklumat itu, iainya mampu mempengaruhi pemikiran dan tindak tanduk seseorang dalam kecenderungan memilih sesebuah parti politik. Bagi konteks pilihan raya di Malaysia, sebelum wujudnya media alternatif atau online, rakyat Malaysia banyak bergantung harap dan lebih mempercayai media arus perdana sehingga ppengaruh parti politik Barisan Nasional (BN) dilihat lebih kuat. Namun begitu, apabila media alternatif menguasai pengaruh sumber maklumat yang boleh diakses tanpa had, landskap politik Malaysia semakin berubah dan pengaruh BN juga terhakis sedikit demi sedikit sama ada di kawasan bandar mahupun di luar bandar. Justeru, adalah menjadi objektif penulisan artikel ini untuk menganalisis pengaruh media terhadap sokongan kepada parti politik di Malaysia. Berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan kepada 96,684 orang responden di seluruh Malaysia, hampir kebanyakannya mendapatkan maklumat melalui media sosial seperti Facebook dan Whataspp. Kecenderungan pengundi yang mengakses maklumat melalui media alternatif ini menunjukkan sokongan mereka lebih kepada parti pembangkang memandangkan parti ini yang banyak menguasai media alternatif. Disebabkan itu juga, pengaruh media alternatif ini telah berjaya mengubah landskap politik negara apabila tumbanganya kerajaan BN memandangkan media arus perdana dilihat ketinggalan jauh dalam memainkan perannya sebagai ejen penyebar maklumat yang unggul.

**Kata kunci:** Pengaruh media, media arus perdana, media alternatif, parti politik, pilihan raya.

### **ABSTRACT**

Access to information sources is now available in all types of print and electronic media. Regardless of the form and appearance of the information source, it can influence a person's thinking and behavior in choosing a political party. In the context of elections in Malaysia, before the advent of alternative or online media, Malaysians were more hopeful and trusted in the mainstream media until the influence of the Barisan Nasional (BN) political party was seen as stronger. However, as alternative media dominates the source of unlimited access to information, Malaysia's political landscape is changing and BN's influence is eroding little by little in the urban and rural areas. Therefore, it is the objective of writing this article to analyze the influence of the media on the support of political parties in Malaysia. According to surveys form distributed to 96,684 respondents across Malaysia, almost all of them get information through social media such as Facebook and Whataspp. The tendency of voters to access information through alternative media has shown their support for the opposition party

as it has dominated alternative media. As a result, the influence of these alternative media has succeeded in changing the political landscape of the country as the BN government collapses as the mainstream media seems to be lagging behind in its role as a leading information agent.

**Keywords:** Media influence, mainstream media, alternative media, political parties, elections

## **PENGENALAN**

Media merupakan salah satu ejen yang berperanan penting dalam menyebarkan maklumat kepada setiap individu dan juga kepada mana-mana pihak yang memiliki kepentingannya. Tidak kiralah sama ada media tersebut masih bersifat tradisional iaitu yang bias menyokong sesebuah parti politik ataupun media atas talian yang melaporkan berita dengan telus, pengaruh media ini juga amat penting. Di Malaysia, isu kebebasan media sering dimainkan setiap kali menjelang pilihan raya sehingga menjadi isu kempen sama ada di parti pemerintah mahupun parti pembangkang.

Globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah banyak mengubah pengertian kita mengenai peranan media dalam proses demokrasi. Internet termasuklah media sosial memberikan ruang baru dalam demokrasi bukan sahaja untuk mencapai maklumat tetapi memberikan ruang interaksi dalam komunikasi politik (Schulz 2004; Schulz, Web & Quiring, 2005). Secara umumnya, internet merupakan sistem global yang melibatkan rangkaian komputer yang menggunakan standard Internet Protocol Suite untuk dilayari oleh berbilion-bilion pengguna di seluruh dunia. Sistem tersebut adalah satu rangkaian jaringan yang terdiri daripada pihak syarikat swasta, awam, akademik, perniagaan, dan rangkaian kerajaan tempatan dalam skop global yang dihubungkan dengan pelbagai teknologi rangkaian elektronik, wayarles dan optik yang luas. Internet merupakan medium yang membawa pelbagai sumber maklumat dan perkhidmatan, seperti berkaitan antara hiperteks dokumen World Wide Web (WWW) dan infrastruktur yang digunakan untuk menyokong mel elektronik yang besar.

Teknologi maklumat seperti internet dapat membentuk sikap, pandangan serta budaya dalam kalangan masyarakat negara ini khususnya dan dunia secara umumnya. Pembentukan sikap dan pandangan akan memberi kesan kepada perkara-perkara lain dalam kehidupan manusia termasuk dalam menentukan pemerintahan sesebuah kerajaan. Keadaan ini dilihat berlaku dalam Pilihan Raya Umum Ke-12, 2008 (PRU-12). Serangan terhadap Barisan Nasional (BN) melalui laman-laman, blog dan Internet dilihat antara faktor yang telah mempengaruhi pengundi sehingga membawa kepada kegagalan BN mendapat keputusan cemerlang sebagaimana pilihan raya tahun 2004. Gerakan berpolitik melalui internet sudah wujud sejak pilihan raya 1999, tetapi strategi itu gagal membantu kemaraan pembangkang dengan berkesan, malah tidak efektif langsung dalam pilihan raya 2004. Namun, bermula PRU 2008 menyaksikan keadaan yang amat berbeza di mana kebanyakan rakyat terutamanya golongan belia yang memilih internet dan blog sebagai satu medium berkomunikasi yang berpengaruh dalam berkempen. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini adalah untuk menganalisis pengaruh media terhadap sokongan kepada parti politik di Malaysia.

## **KAJIAN LITERATUR**

Kajian dari Jankowski & Van Selm (2008) telah membuktikan bahawa media memainkan peranan yang amat penting dalam sumber maklumat politik dan pilihan raya terutamanya di negara Amerika Syarikat dan United Kingdom. Disebabkan itu juga peranan media adalah satu medium yang utama yang penting dalam menentukan pengaruh sesebuah parti politik dalam kalangan pengikut dan juga rakyat yang akan mengundi. Hal ini pernah dinyatakan dalam kajian Junaidi & Fuad (2015) yang mana media telah ditafsirkan sebagai 'geopolitik popular' bagi mempengaruhi pemikiran dan pandangan politik seseorang.

Pada era 90-an, media arus perdana banyak menguasai pasaran dunia dan Malaysia pun tidak terkecuali dan ianya amat berpengaruh sekali dalam menyebarkan infomasi kepada rakyat. Disebabkan teknologi internet masih belum digunakan secara meluas seperti kini, maka, rakyat lebih banyak mempercayai media arus perdana. Namun, pada tahun 1999, portal berita atas talian pertama telah diperkenalkan iaitu Malaysiakini oleh Steven Gan yang cuba memberi alternatif berita kepada rakyat yang banyak bergantung kepada info media arus perdana yang lebih kepada pro kerajaan (Lee et al. 2016). Keadaan ini membuatkan media arus perdana lain mula mengorak langkah memiliki portal berita sendiri demi menarik perhatian pembaca yang rata-ratanya golongan belia.

Walaupun media arus perdana seperti media cetak dan elektronik yang masih bersifat tradisional masih menjadi pilihan golongan warga emas, ledakan teknologi, kemudahan dalam mengakses internet dan pemilikan telefon pintar membuatkan media alternatif yang bersifat atas talian mula menguasai abad ke-21. Dalam kajian Ibrahim (2012), beliau telah melihat bahawa golongan belia lebih banyak menggunakan media alternatif ini bagi memperoleh maklumat yang terkini. Hal yang demikian kerana, golongan ini lebih mudah mengadaptasi teknologi yang semakin berkembang pesat jika dibandingkan dengan golongan berusia dan ini telah menyebabkan mereka lebih peka terhadap hal ehwal politik negara dan juga isu-isu semasa yang berlaku.

Apabila berlaku kepesatan penggunaan internet, kewujudan blog-blog politik turut berlaku dalam mengkritik pentadbiran kerajaan terdahulu. Walaupun blog-blog politik ini boleh dikategorikan kepada tiga jenis iaitu blog pro kerajaan, blog pro pembangkang dan blog yang bersifat neutral tetapi kewujudan blog-blog ini telah mencelik mata rakyat di luar mengenai pentadbiran kerajaan terutamanya sebelum dan selepas PRU-12 (Suhaimi 2008). Oleh itu yang demikian, keadaan ini menyebabkan blog-blog online semakin bertambah disebabkan terdapat juga sesetengah pihak bertindak sebagai penulis blog sampingan dan menyembunyikan identiti mereka dalam alam maya dalabagi bertujuan mengkritik kerajaan BN pada ketika itu.

Kajian yang pernah dilakukan oleh Vromen (2007) di Australia yang mana terdapat perkaitan antara penggunaan internet dan penyertaan politik golongan belia yang mana golongan belia yang berpendidikan tinggi lebih cenderung menggunakan internet dalam berkempen untuk parti politik yang diwakili oleh mereka. Antaranya seperti kempen politik parti Demokrat semasa pilihan raya presiden Amerika Syarikat pada tahun 2008 yang mana kem Obama meraih jumlah sokongan yang tertinggi. Hal ini juga termasuklah jumlah sumbangan yang diperoleh pada ketika itu yang mencecah USD\$500 juta. Jumlah sumbangan ini juga turut meningkat pada pilihan raya presiden pada tahun 2012 iaitu sebanyak USD\$690 juta yang hasil sumbangan orang ramai menerusi pembayaran dalam talian. Kem Obama sekali lagi meraih jumlah sokongan yang tertinggi menerusi laman Facebook, Twitter dan video di Youtube pada ketika itu sekali gus membolehkan beliau menerima gelaran presiden paling popular dalam alam maya (Yang & DeHart 2016).

Disebabkan itu juga di Thailand, Meesuwan (2016) telah mengkaji perkaitan antara internet dengan partisipasi politik di Thailand telah menunjukkan parti politik yang terlibat dan bergiat aktif dalam berkempen menerusi 'online' dapat mengurangkan kos perbelanjaan untuk berkempen jika dibandingkan dengan tahun sebelum ini. Tambahan pula, dalam kajian beliau ini juga membuktikan bahawa parti politik yang aktif dalam media sosial lebih dikenali ramai, lebih mendapat perhatian dan pengaruh yang ramai serta maklumat yang disampaikan kepada golongan pengundi lebih berkesan dan cepat.

Dalam sesebuah parti politik juga, mereka turut memiliki pakar strategi untuk jentera pilihan raya masing-masing bagi menarik sokongan pengundi. Antara medium yang sering digunakan adalah iklan politik yang kreatif terutamanya dari parti BN (Suhaimie & Fuziah 2015). Tujuan iklan-iklan politik yang ditayangkan di media arus perdana adalah untuk menterjemahkan manifesto mereka secara santai dan mudah difahami setiap lapisan masyarakat. Strategi yang kreatif bukan saja mampu mempengaruhi pengundi tetapi ianya juga dapat memastikan mesej itu dapat disampaikan dengan tepat terutamanya kepada golongan sasaran. Oleh itu, pengiklanan yang kreatif juga mampu menarik minat golongan sasaran untuk memberi undi kepada BN memandangkan parti itu juga mempunyai kelebihan dalam menguasai media arus perdana.

Revolusi lebuhraya maklumat menyaksikan jumlah pengguna internet di Malaysia sepanjang 2009 adalah sebanyak 16,902,600 pengguna berbanding tahun 2000 yang hanyalah sekitar 3,700,000 pengguna. Peningkatan yang berlangsung adalah satu indikator yang signifikan sifatnya dan jika pengukuran dilakukan dari sudut peratusan peningkatan penggunaan internet sejak dari tahun 2000 hingga 2009 jumlahnya adalah 356.8 peratus (Mohd Amirul Akhbar & Ismail 2010). Satu yang unik ialah peningkatan berkenaan seringkali dihubungkan dengan aspek pencarian maklumat berkaitan berita mahupun maklumat politik negara. Peningkatan penggunaan dan peratusan jelas mengesahkan andaian golongan sarjana bahawa lebuhraya maklumat yang dizahirkan menerusi kewujudan laman-laman blog dan sesawang semakin penting khususnya yang melibatkan komunikasi politik dan memberikan peluang kepada penyertaan dan pembabitian masyarakat secara menyeluruh (Corrado & Firestone 1996).

Di Malaysia, sejarah laman sosial bermula dengan SixDegree.com yang dikreditkan sebagai laman sosial pertama dan diasaskan pada tahun 1997. Penggunaan kaedah siber untuk berkempen mula digunakan di negara ini pada pilihan raya umum 1999 dan mula berkembang pada 2004 berikutan peningkatan pengguna internet di Malaysia. Peranan media alternatif ini secara meluas dan signifikan dilihat dalam kempen pilihan raya umum 2008 dengan langganan dial-up yang menjangkau 11.76 juta orang. Sebelum ini, blog, e-mail, video dalam you tube dan SMS menjadi pilihan meluas pemimpin politik dan juga pengundi yang menyokong parti pembangkang untuk berkempen dan berhubung sesama mereka. Namun berdasarkan data terkini, 60 peratus (15 juta) drpd 28 juta rakyat Malaysia telah mengakses internet untuk mendapatkan maklumat politik (Ramanathan 2008).

Kini, kemunculan teknologi maklumat dan komunikasi kini dikatakan memberikan kebebasan kepada individu untuk bebas menyuarakan pendapat mereka kerana ruang siber ini tidak dikawal oleh mana-mana kuasa yang berdaulat. Menurut Sassi (2000) peranan internet dalam demokrasi akan ditentukan oleh orientasinya samaada sebagai entiti awam atau swasta. Hayes (2008) dan Abbe et al. (2003) berpendapat bahawa media boleh membantu calon pilihanraya mengetengahkan isu-isu tertentu untuk dijadikan agenda perbincangan dalam kempen pilihan raya dan jika pengundi bersetuju dengan isu tersebut ia akan mempengaruhi tingkah laku pengundiannya.

Sememangnya, penggunaan internet berupaya mempercepatkan pengaliran maklumat sekaligus melahirkan masyarakat yang bermaklumat. Jika penelitian dilakukan dari sudut terminologi perkataan "blog" ianya telahpun melalui satu proses evolusi yang bermula semenjak akhir 1990-an dan kemudiannya dikenal pasti oleh Peter Merholz sebagai web-log. Terdapat beberapa pihak umpamanya seperti Jesse Lames Garnett, Cameron Barrett, dan Brigitte Eaton yang mula untuk rnengumpulkan web-log yang terdapat di internet. Satu yang pasti adalah ketika web-log mula wujud jumlahnya hanya sebanyak 23 sebagaimana yang disenaraikan oleh Jesse James Garnett di awal tahun 1999 (Blood 2006). Selari dengan jumlah peningkatan penggunaan weblog terdapat berbagai platfom yang diwujudkan untuk menyokong perkembangarnya iaitu seperti Pitas, Blogger, Groksoup, Edit This Page, Velocinews, blogspot, wordpress dan lain-lain. Perkara tersebut secara langsung telah membantu peningkatan blogger. Antara penyebab utama yang menyumbang kepada peningkatan penggunaan blog adalah disebabkan oleh sifatnya yang dinamik, kebebasan di dalam menyuarakan pandangan penulis, bebas daripada suntingan dan tidak tertakluk kepada sebarang polisi seperti di dalam organisasi media, mudah untuk dikemaskini, memiliki rangkaian jaringan dan komentar kepada lain-lain blog sekaligus mewujudkan rangkaian yang dikenali sebagai blogosphere.

Menyentuh tentang kesan yang diakibatkan oleh internet terhadap aspek politik sememangnya mendapat perhatian daripada para pengkaji. Ia berikutan sifat internet itu sendiri yang tidak dikawal oleh mana-mana pihak mahupun gatekeepers seperti yang terdapat dalam kebanyakan media massa arus perdana. Malahan, keadaannya akan menjadi lebih jelas sekiranya sesebuah negara itu mengenakan sebarang bentuk sekatan terhadap kebebasan medianya menerusi aspek pemilikan mahupun undang-undang, maka internet adalah penyelesaian kepada kebuntuan dapatan dan penembusan maklumat oleh rakyat. Penggunaan internet khususnya bagi aplikasi blog bukanlah satu fenomena luar biasa di Malaysia. Ini kerana keadaan adalah fenomena yang bersifat global dan menjadi platform kepada proses transformasi dan perubahan politik di sesebuah negara.

Menurut Baharuddin et al. (2000), impak pemula medium internet telahpun dikesan pada tahun 1999 berikutan penumpuan serta fokus pembaca terhadap laman-laman web pro-pembangkang berbanding dengan laman-laman web pro-pemerintah mahupun akhbar dalam talian yang diadaptasi daripada media arus perdana. Semenjak dasar langit terbuka yang diamalkan kerajaan pada pertengahan 1990-an di samping tiadanya tapisan ke atas internet sepertimana termaktub dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, telah banyak membawa angin perubahan baru dalam penyebaran maklumat. Pilihan raya umum ke-10 dan ke-11 banyak memperlihatkan kehadiran laman-laman web alternatif dan peranan yang dimainkan oleh Khidmat Pesanan Ringkas (SMS). Pilihan raya umum 2008 pula banyak menjurus kepada kehadiran "Blog". Di peringkat awal perkembangan penggunaan internet sebagai saluran alternatif, terdapat beberapa laman web yang mengkhususkan perbincangan mereka kepada isu politik yang membabitkan Anwar Ibrahim antaranya adalah Berita Reformasi (Reforms News), Saksi (Witness), Anwar Online, Free Anwar Campaign, Crony-Net, Riches of Mahathir Clan, freeMalaysia, www.mahazalim.net, Mahafiraun dan Malaysiakini. Pada tahun 1997, jumlah penggunaan internet hanyalah 137,400 tetapi ianya mengalami peningkatan sebanyak 1,362,600 yang membawa kepada jumlahnya sebanyak 1,500,000 di dalam tahun 1999. Peningkatan yang mendadak ini adalah berikutan dengan kes Anwar Ibrahim yang menyebabkan masyarakat mula mengubah arah dalam mendapatkan maklumat khususnya bukan daripada media yang dikuasai oleh pemerintah.

Malahan keadaannya adalah amat mengejutkan apabila di dalam tahun 2000 jumlah penggunaan internet adalah sebanyak 300,00 sahaja tetapi mengalami peningkatan sebanyak



6,340,000 pada tahun 2004 yang membawa kepada jumlah 10,040,000 di dalam tahun 2008. Peningkatan ini jelas menunjukkan bahawa semakin ramai pengguna internet di Malaysia sekaligus membawa maksud bahawa capaian maklumat mereka turut bertambah selari dengan sifat internet yang mampu untuk membekalkan maklumat kepada pelayarnya. Perkembangan pesat yang berlaku di Malaysia membabitkan peningkatan laman-laman blog politik khususnya adalah satu yang tidak dapat dikekang. Perkembangan berkenaan sebenarnya telah mencabar dan menggugat dominasi mainstream media yang selama ini memainkan peranannya sebagai agen penyebar berita dan maklumat pemerintah. Menerusi blog-blog politik, media ini menawarkan ruang perbincangan yang lebih luas, terbuka dan kebebasan yang tidak mungkin dapat ditawarkan menerusi media arus perdana. Walaupun kebebasan yang diberikan itu diharapkan akan dapat membantu meningkatkan proses pendemokrasian di Malaysia namun yang berlaku adalah sebaliknya. Di mana ia dipenuhi dengan pengisian ketidakpuasan terhadap sesuatu isu serta komentar yang tidak senonoh bahasanya.

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dilakukan didapati bahawa sememangnya pihak pemerintah menguasai sama ada secara langsung atau tidak langsung kebanyakan media utama tempatan tetapi ironinya mereka tidak melihat perkembangan dan 'kegilaan' blog sebenarnya boleh turut dipergunakan oleh pihak pemerintah. Internet diabaikan oleh ahli politik sebaliknya ia menjadi alat penting oleh pengkritik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membentuk dan mengacuakan pandangan umum. Medium itu menjadi penting akibat keruntuhan kredibiliti media cetak dan elektronik tradisional. Keadaan itu membuatkan rakyat menerima medium digital sebagai alternatif media sebagai saluran meluahkan pandangan. Keadaan tersebut juga penting kerana menandakan kemasukan pengundi muda yang jumlahnya begitu besar. Peningkatan jumlah blogs di internet telah mewujudkan istilah yang dikenali sebagai Blogosphere yang mula diperkenalkan oleh William Quick pada Disember 2001. Fenomena blogosphere khususnya di Malaysia wujud kerana didasari oleh beberapa faktor utama faktor kekangan undang-undang, faktor kesedaran politik, faktor trend semasa.

Adalah jelas bahawa perubahan dapatan maklumat telah berlaku dan ianya dizahirkan menerusi peningkatan penggunaan internet dalam kalangan masyarakat Malaysia dibantu pula dengan rangkaian teknologi komunikasi yang disediakan oleh pemerintah menjadikannya bertukar menjadi 'duri dalam daging'. Dalam hal ini fenomena yang berlangsung di Malaysia yang melibatkan penggunaan media baru sebagai counter hegemony bukanlah satu yang bersifat janggal kerana ianya juga melibatkan negara-negara lain. Dalam usaha untuk mengatasi dan memantau topik perbincangan yang diutarakan oleh bloggers ianya adalah satu yang bersifat kontradik kerana pemerintah Malaysia sendiri menyatakan penggunaan internet dijamin tidak dikawal. Keadaan yang berlangsung sememangnya satu tamparan hebat kepada pemerintah namun ianya perlu diterima bersesuaian dengan amalan demokrasi yang diterima.

Gomez (1996) mengaitkan kemenangan BN dalam pilihan raya 1995 dengan empat faktor utama iaitu 4M (Media, Money, Machinery & Mahathir). Kesemua faktor tersebut dimiliki dan memihak kepada BN. Faktor tersebut memberikan kelebihan kepada BN yang mempunyai pengalaman memerintah Malaysia sejak merdeka hingga sekarang dan dapat menilai arah sebenar politik pengundi Malaysia dalam setiap pilihan raya yang lebih cenderung kepada sogokan pembangunan semata-mata.

Kajian oleh Aikens (1996) mendapati bahawa penggunaan internet atau e-demokrasi dalam pilihan raya Minnesota dapat menghasilkan seorang ahli politik yang terbuka dan bertimbangrasa dalam membincangkan isu-isu dalam kempen pilihan raya. Pengundi lebih

berminat untuk mendapatkan berita daripada laman internet World Wide Web (www) dalam pilihan raya Amerika Syarikat 1996 bagi membuat keputusan untuk memilih calon dan parti yang bertanding (D'Alessio 1997). Dalam pilihan raya Amerika Syarikat 1996, parti politik lebih aktif menggerakkan kempen mereka dengan menggunakan internet untuk menghubungi pengundi bagi menyokong mereka (Bimber 1998). Penggunaan media alternatif iaitu internet lebih berpengaruh berbanding media tradisional seperti akhbar dan televisyen dalam penyebaran maklumat politik dan pemaparan imej calon yang bertanding dalam pilihan raya Presiden Amerika Syarikat iaitu antara Bill Clinton dengan Bob Dole (Johnson et al. 1999). Komunikasi politik melalui penggunaan internet masih dominan dalam kempen pemilihan Presiden Amerika Syarikat 2000 (Lewicki & Ziaukas 2000). Penggunaan internet dalam kempen pilihan raya di Finland adalah tertinggi di dunia dan popular di kalangan calon wanita dan muda (Carlson & Djupsund 2001). Daripada 487 berita yang tersiar dalam laman web kempen pilihan raya Presiden antara George W. Bush dan Al Gore, 75 peratus daripada berita tersebut mengandungi serangan peribadi ke atas lawan masing-masing (Wicks & Souley 2003).

Komunikasi politik melalui internet telah mentransformasikan wacana politik, penyertaan politik dan kaedah kempen pilihan raya sesebuah negara seterusnya mewujudkan suasana berpendapat yang bebas dan demokratik (Jankowski & Van Selm 2008). Kajian hubungan antara penggunaan internet dan penyertaan politik di kalangan orang muda Australia menunjukkan bahawa terdapat 'jurang digital' di kalangan 18-34 tahun Australia mengikut ciri-ciri demografi geografi, tahap pendidikan, tahap pendapatan dan klasifikasi pekerjaan (Vromen 2007). Calon-calon yang bertanding dalam pilihan raya yang muda dan berpendidikan tinggi lebih berkecenderungan menggunakan internet dalam siri kempen mereka (Herrnson et al. 2007).

Muhamad Nadzri & Suhaimee (2009) mendapati daripada 193 blog politik yang dipilih melalui analisis kandungan, 114 blog politik adalah tidak menyokong Kerajaan Persekutuan (BN) manakala 29 blog menyokong Kerajaan dan isu kepimpinan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi merupakan perkara paling dominan dibincangkan dan kebanyakan blogger terutamanya lelaki menggunakan nama samaran ketika berblog. Zaherawati (2009) mendapati golongan muda lebih yakin dengan sumber dan ketelusan blog-blog berbanding media cetak yang jelas lebih menumpukan kepada satu pihak sahaja. Namun, realiti daripada penggunaan 3M (media, money & machinery) ia amat berkait rapat dengan tahap demokrasi yang diamalkan oleh sesebuah negara yang melaksanakan pilihan raya. Seharusnya pilihan raya yang bersih menekankan keadilan dan kesaksamaan kepada semua pihak dalam kebebasan berkempen dan bersuara.

Bagi kajian yang dilakukan oleh Mohd Shamsul et al. (2009) pula mendapati media cetak yang merupakan kaedah penyebaran maklumat yang digunapakai secara konvensional sejak awal telah diperhebatkan lagi dengan kemunculan media elektronik seperti televisyen, radio dan komputer. Revolusi perkembangan medium penyebaran maklumat ini pula diperluaskan dengan kepesatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang mencetuskan satu fenomena baru penyebaran maklumat menerusi aplikasi atas talian (online) seperti blog, SMS, MMS dan lain-lain. Kecanggihan medium terbaru ini dilihat begitu berpengaruh dan meluas kerana maklumat dapat disampaikan dengan cepat, efektif dan efisien. Maka dengan itu, implikasi kepada pergantungan masyarakat terhadap kaedah baru ini berjaya mempengaruhi persepsi masyarakat tentang sesuatu perkara dan akhirnya akan memberi impak dalam proses pemilihan calon dan parti yang mereka inginkan. Gabungan medium penyaluran maklumat yang sangat unik dan bersifat global ini telah terbukti

mempengaruhi persepsi dan tindakan rakyat sehingga Malaysia menyaksikan reformasi politik yang begitu ketara setelah keputusan Pilihan raya Umum Malaysia Ke-12 diumumkan.

Kajian oleh Nur Azween & Nidzam (2009) mendapati media alternatif mempunyai impak yang signifikan ke arah perubahan trend pengundian masyarakat Malaysia. Dalam masa yang sama, politik baru yang lebih banyak menumpukan isu korupsi, penyelewengan dan salah guna kuasa menjadi isu utama laungan media ini. Rakyat tidak lagi terpengaruh dengan politik lama seperti isu etnik, bahasa, agama dan daerah. Perubahan trend ini memberi petanda bahawa media alternatif wujud sebagai medium penting dalam penyampaian isu politik baru seterusnya memberi impak terhadap trend pengundian di negara ini.

Mohd Fuad & Junaidi (2009) melalui kajian ‘Pemerintahan Pakatan Rakyat (PR): Kajian Pungutan Pendapat di Kalangan Kakitangan Awam, Negeri Selangor Darul Ehsan’ dalam dapatan kajiannya menunjukkan bahawa 58.8 peratus menyatakan mereka memperoleh sumber maklumat politik daripada akhbar harian perdana seperti Berita Harian, Utusan Malaysia dan New Straits Times. Samsudin (2010) dalam kajian ‘Media, Demokrasi dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12’ mendapati generasi muda yang sememangnya sudah sehati dengan internet menjadikannya sebagai sumber yang boleh dipercayai. Terdapat banyak pendapat alternatif yang dimuatkan dalam pelbagai ruang siber, maka ini menunjukkan pengaruh internet sememangnya wujud terutamanya dalam kalangan mereka yang tidak berpuas hati dengan keadaan dalam persekitaran mereka. Kepercayaan maklumat yang diterima daripada media adalah penting kerana ia menjadi asas seseorang itu membuat keputusan. Mungkin tidak semua ruang siber akan mempengaruhi responden. Tidak dinafikan pengaruh media dan isu-isu sosial dan ekonomi mempengaruhi keputusan pilihan raya tetapi sumbangannya masih kecil.

Kajian oleh Samsudin (2010) melalui analisis regresi berganda menunjukkan kepercayaan kepada maklumat internet dan daripada kawan-kawan serta isu-isu yang dibangkitkan pilihan raya menyumbang secara positif terhadap keputusan PRU-12 yang memihak kepada gabungan parti pembangkang. Junaidi et al. (2010) dalam kajian politik belia di DUN Bagan Pinang, Negeri Sembilan mendapati bahawa parti yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan menjadi pilihan utama mereka dan berpendapat parti politik tidak boleh menyentuh isu peribadi semasa berkempen. Konsep “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasi oleh belia. Majoriti responden menyokong polisi dan kepemimpinan Perdana Menteri dan Timbalannya dalam menerajui pembangunan negara.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Usha Devi (2009) mendapati, Internet memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan gerakan reformasi semasa. Internet kini merupakan media alternatif yang memberikan kebebasan bersuara. Penggunaan internet yang bertujuan untuk memperoleh maklumat ataupun berita telah meningkat pada akhir 1990-an terutamanya dalam kalangan pengguna golongan muda (Flanagin & Metzger 2000 dipetik dalam Lowrey & Anderson 2005). Kajian Stevan Gan, pengasas bersama Malaysiakini menunjukkan bahawa media dalam talian sememangnya mempunyai impak ke atas proses politik di negara ini. Oleh itu, kerajaan telah mula memberi perhatian yang lebih serius kepada Internet sebagai medium berita dan analisis politik.

Junaidi & Mohd Fuad (2011) dalam kajian “Keperluan Belia dan Pendapat Politik di Kawasan Parlimen Muar, Johor” mendapati bahawa dari aspek ekonomi, belia di kawasan tersebut inginkan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka di samping tingkat upah/gaji yang sesuai dengan keadaan ekonomi semasa. Junaidi et al. (2012) dan Mohd Fuad et al. (2012) melalui kajian “Impak Akses Internet Terhadap Partisipasi Politik di Kluang, Johor”, mendapati bahawa teknologi komunikasi terutamanya internet sememangnya



memberikan peluang yang meluas kepada masyarakat untuk melibatkan diri dalam perbincangan dan perdebatan tentang hal ehwal politik. Namun begitu, bagi situasi di Malaysia sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 pada tahun 2018, media arus perdana sama ada media cetak dan media elektronik lebih banyak dikuasai oleh parti pemerintah ketika itu iaitu BN. Media-media alternatif seperti blog, media sosial pula lebih banyak dikuasai oleh parti pembangkang (Junaidi 2016).

Junaidi (2018a) dalam wawancara wartawan akhbar Kosmo! pada 24 Mac dalam ruangan Jurnal 'Rencana Utama' Menjelang Pilihan Raya Umum ke-14, 2018 yang bertajuk 'Alam siber gelanggang pertarungan kempen pilihan raya' menjelaskan bahawa sumber maklumat merupakan aspek penting dalam mempengaruhi seseorang untuk membentuk persepsi. Dalam soal politik, maklumat akan mengukuhkan pendirian seseorang seterusnya menjadi pegangan untuk membentuk identifikasi politik yang kental. Pihak yang menguasai sumber atau akses maklumat akan mendapat sokongan pengundi yang terbanyak.

Junaidi (2018b) dalam wawancara wartawan akhbar Kosmo! pada 5 April dalam ruangan Menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 mengenai PRU 2018 yang bertajuk 'Najib pimpin BN hadapi pilihan raya umum paling getir' menghuraikan bahawa rakyat akan menyokong parti yang memperjuangkan isu yang dekat dihati mereka seperti isu sosial dan ekonomi. Sasaran parti politik dalam PRU 2018 ialah untuk memancing undi daripada kira-kira 40 peratus pengundi atas pagar di negara ini.

Junaidi (2018c) dalam wawancara wartawan akhbar Kosmo! pada 2 Mei dalam ruangan 'Analisis Kosmo!' Menjelang Pilihan Raya Umum ke-14, 2018 yang bertajuk 'Waspada berita palsu dalam kempen PRU-14' menjelaskan bahawa negara tidak memerlukan politik berasaskan pembohongan. Malaysia memerlukan sebuah politik yang berakhlak. Kempen politik menggunakan isu yang tiada manfaat dan menyusahkan negara perlu dielak oleh semua pihak.


Bagi pendapat Balaraman & Faridah (2013) yang telah menyatakan dalam kajiannya bahawa media arus perdana negara ini dilihat bersikap berat sebelah dan memilih berita yang mempunyai nilai komersial. Faktor jatuhnya BN bukan sekadar rakyat sudah muak dengan tingkah laku pemimpin yang lari dari matlamat asal perjuangan mereka, tetapi kerana media arus perdana yang bersikap tidak adil dalam membuat laporan telah membuatkan rakyat beralih arah kepada media alternatif iaitu media sosial. Hal ini kerana, media baru ini bersifat bebas, tidak dikawal oleh mana-mana pihak, bersikap telus dalam menyampaikan maklumat dan ini membuatkan pengguna internet lebih selesa dan mudah mendapatkan info yang dimahukan tanpa ada sekatan (Faisal et al. 2019).

## **METODOLOGI KAJIAN DAN KAWASAN KAJIAN**

Bagi penulisan artikel ini, kedua-dua metod atau kaedah kuantitatif dan kualitatif telah digunakan untuk memantapkan dapatan kajian seterusnya mengukuhkan perbincangan kajian. Kaedah kualitatif melibatkan pengalaman hidup yang sebenar sebagai tindak balas kepada penterjemahan dan kefahaman kehidupan manusia serta realiti dunia sebenar. Data yang diperoleh daripada kaedah ini kebiasaannya tidak berstruktur tetapi memiliki skop yang amat mendalam. Teknik-teknik penyelidikan yang digunakan dalam kaedah ini ialah pemerhatian di lapangan bagi memahami sendiri kehidupan dan pengalaman yang dilalui oleh responden. Kaedah kuantitatif lebih melibatkan data berangka. Kaedah ini turut digunakan bagi membuktikan atau menyanggah sesuatu hipotesis dan mampu menghasilkan penemuan baru. Selain itu, kaedah ini juga berupaya untuk menghasilkan keputusan yang tepat, sah, boleh dipercayai dan objektif dalam skop data kajian.

Dalam memantapkan kajian ini, kaedah kuantitatif telah digunakan. Kedah kuantitatif ini lebih melibatkan data yang berangka dan boleh digunakan untuk membuktikan dan menyanggah seseutu hipotesis. Oleh itu data yang diperolehi dalam kajian ini menggunakan metod soal selidik merupakan metod utama yang telah digunakan dalam kajian lapangan. Selain itu, kajian sekunder (maklumat kualitatif) juga turut digunakan sebagai rujukan bagi mengukuhkan kajian ini. Penentuan sampel daripada keseluruhan jumlah pengundi di Malaysia telah ditentukan berpandukan kepada 14 buah negeri iaitu 98 kawasan Parlimen terpilih di seluruh Malaysia mengikut wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia (Selangor, Kuala Lumpur, Perak, Negeri Sembilan dan Melaka), Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Kelantan, Terengganu dan Pahang), Utara Semenanjung Malaysia (Perlis, Kedah dan Pulau Pinang), Selatan Semenanjung Malaysia (Johor) dan juga Malaysia Timur/Kepulauan Borneo (Sabah dan Sarawak) (Lihat Rajah 1). Maka, jenis persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan bukan kebarangkalian (non-probability) secara sistematik.

Rajah 1: Lokasi 98 Parlimen kawasan kajian



Sumber: Diubahsuai daripada SPR (2018)

Oleh itu, seramai 96,684 orang responden yang berumur 21 tahun dan keatas terpilih bagi kajian yang telah dilakukan di seluruh Malaysia. Bagi sumber sekunder yang digunakan adalah terdiri daripada bahan-bahan bercetak dan elektronik seperti buku-buku rujukan akademik, laporan pilihan raya umum, artikel jurnal, kertas kerja persidangan atas talian dan rujukan dari blog yang berkaitan turut digunakan. Penganalisan data melibatkan

penggunaan perisian statistik SPSS bagi analisis data soal selidik yang disokong dengan maklumat sekunder yang sesuai bagi menguatkan hujah dalam hasil kajian dan perbincangan.


## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Perolehan Sumber Maklumat Politik

#### i) Media cetak

Bagi hasil kajian ini menunjukkan bahawa sumber maklumat politik turut menjadi pilihan responden dalam memperoleh maklumat berkaitan perkembangan politik di Malaysia. Rata-rata responden yang ditemui memilih media cetak berbahasa Melayu yang utama seperti Berita Harian (40.1 peratus), Utusan Malaysia (28.2 peratus) dan Harian Metro (26.4 peratus) dalam mendapatkan maklumat mengenai politik (Lihat Rajah 2). Hal yang demikian kerana selain majoriti responden yang ditemui adalah berbangsa Melayu, responden berbangsa lain juga turut mengikuti perkembangan politik menerusi akhbar berbahasa Melayu kerana rata-rata berpendapat bahawa akhbar utama berbahasa Melayu ini menjadi lidah rasmi kerajaan BN pada ketika itu wajar diikuti dan diambil perhatian.

Rajah 2: Sumber maklumat politik dari media cetak



Sumber: Kajian Lapangan (2017)


Namun, begitu, terdapat juga responden yang lebih gemar mengikuti isu politik menerusi warkah dari pihak pembangkang pada ketika itu iaitu Harakah (9.7 peratus) yang menjadi akhbar rasmi PAS dan Suara Keadilan (7 peratus) yang juga akhbar yang mewakili suara Parti Keadilan Rakyat (PKR). Pada pandangan mereka, akhbar dari lidah rasmi pembangkang ini sekurang-kurangnya menceritakan perihal politik dari pihak PAS dan PKR yang mana di media arus perdana, kedua-dua parti ini tidak mendapat liputan yang meluas dan ini menyebabkan mereka memilih Harakah dan Suara Keadilan untuk mengetahui politik kedua-dua parti tersebut.

Selain itu, akhbar berbahasa Inggeris utama negara iaitu News Strait Times yang menunjukkan peratusan sebanyak 8.6 peratus turut menjadi pilihan responden terutama bagi generasi belia dan juga responden yang tinggal di kawasan bandar. Bagi negeri Sabah pula, responden di kawasan itu turut mengikuti perkembangan politik menerusi akhbar keluaran tempatan iaitu Sabah Time, Borneo Post, Utusan Borneo dan Daily Express kerana kesemua akhbar-akhbar ini lebih banyak memberi maklumat politik dan juga isu semasa yang berlaku di negeri Sabah.

## ii) Media elektronik

Dalam hasil kajian ini, media elektronik juga turut berperanan penting dalam mempengaruhi sokongan kepada sesebuah parti politik dan juga memberi maklumat kepada responden. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa saluran swasta iaitu TV3 mendominasi peratusan yang tertinggi sebanyak 64.1 peratus diikuti dengan saluran milik kerajaan TV1 sebanyak 41.3 peratus dan saluran TV2 sebanyak 36 peratus (Lihat Rajah 3). Hal ini kerana saluran-saluran ini lebih mudah diakses oleh orang ramai bagi mengetahui perkembangan terkini. Tambahan pula, ketiga-tiga saluran ini mudah didapati secara percuma tanpa perlu dilanggan dan saluran-saluran ini juga lebih banyak memberi liputan kepada isu semasa yang terkini.

Rajah 3: Sumber maklumat politik dari media elektronik



Sumber: Kajian Lapangan (2017)


Untuk saluran radio yang pernah menjadi medium utama sebelum adanya televisyen pula menunjukkan sebanyak 10 peratus. Rata-rata responden mengakui mereka memperoleh maklumat menerusinya sama ada generasi tua mahupun generasi belia. Responden memberitahu bahawa informasi yang disampaikan oleh medium ini tidak seperti dahulu yang lebih banyak memberitahu berita semasa memandangkan masih terdapat generasi tua yang memilih radio. Bagi generasi belia, radio dianggap sebagai media hiburan bagi mendengar lagu-lagu terkini dan gosip-gosip artis tempatan mahupun luar negara. Tambahan pula, berita-berita semasa hanya menjadi selingan sajadian antara program hiburan di radio.

Media elektronik paling terendah sekali adalah menerusi papan kenyataan digital yang mana hanya 3 peratus saja. Hal ini kerana papan kenyataan digital ini hanya boleh diperolehi di tempat-tempat tertentu seperti di kawasan-kawasan tumpuan ramai antaranya di pusat beli-belah mahupun di bangunan-bangunan kerajaan. Oleh itu, bagi responden yang tinggal di kawasan luar bandar, saluran media elektronik ini adalah kurang popular.

### iii) Media Online/Sosial/Blog

Bagi sumber maklumat politik menerusi media online (Lihat Rajah 4), kebanyakan responden lebih banyak mendapat maklumat atau berita politik menerusi platform Facebook iaitu sebanyak 46 peratus. Hal yang demikian kerana, Facebook merupakan salah satu media sosial yang paling popular di Malaysia terutama dalam kalangan generasi belia. Rata-rata responden yang ditemui mengakui yang mereka memiliki akaun Facebook terlebih dahulu sebelum kemunculan media sosial yang lain.

Rajah 4: Sumber maklumat politik dari media online/sosial/blog



Sumber: Kajian Lapangan (2017)

Aplikasi Whatsapp pula menunjukkan peratusan kedua tertinggi iaitu sebanyak 40 peratus yang mana aplikasi ini juga turut menjadi platform menyebarkan isu politik dan hal ehwal semasa. Hal yang demikian adalah disebabkan dengan kemunculan telefon pintar dan juga pelan-pelan internet yang ditawarkan oleh syarikat telekomunikasi menyebabkan rakyat Malaysia begitu mudah memperoleh maklumat di hujung jari sahaja.

Media online blog yang pernah menjadi fenomena di Malaysia suatu ketika dahulu hanya memperoleh 9.5 peratus sahaja dalam kalangan responden yang ditemui. Hal ini disebabkan media ini terpaksa bersaing dengan media sosial lain yang lebih pantas seperti Facebook dan Whatsapp. Tambahan pula, kini tidak ramai penulis blog yang mempunyai masa untuk sentiasa 'update' penulisan blog mereka dan ada juga yang beralih arah menulis di laman sosial Facebook dan Twitter kerana lebih efisien dan penulisan mereka dapat dikongsi oleh orang ramai.

Bagi portal berita online, Malaysiakini menunjukkan peratusan yang tertinggi menjadi pilihan responden bagi mendapatkan maklumat politik iaitu sebanyak 14 peratus. Rata-rata



responden yang ditemui memberi alasan bahawa portal-portal berita online ini memberi maklumat yang telus dalam situasi semasa tidak kiralah sama ada berita tersebut menyiarkan maklumat politik pro kerajaan ataupun pembangkang. Tambahan pula, media online ini sentiasa 'up to date' setiap saat berbanding media elektronik arus perdana telah membuatkan mereka dahagakan isu semasa kerana lebih mudah dan cepat diakses di mana-mana sahaja tanpa mengira waktu.

Jelas dalam konteks PRU-14 signifikan peranan media sosial dalam menyampaikan maklumat, meracuni pemikiran, mempengaruhi pengundi serta dijadikan saluran propaganda, penyebaran fitnah dan maklumat palsu tidak boleh disangkal lagi. Dengan sejumlah 20 juta rakyat mempunyai akses kepada talian media sosial menerusi telefon pintar dan komputer selain setiap individu memperuntukkan masa antara 3 hingga 4 jam setiap hari bagi melayari media sosial seperti laman muka buku (facebook), aplikasi whatsapp dan instagram. Siaran televisyen berbayar dan sebagainya maka, ledakan maklumat dan sebarannya begitu pantas dan cepat sehingga ke ceruk kampung, bandar dan desa. Ironinya media sosial dalam dunia politik ibarat senjata baru yang kemudiannya dimanfaatkan oleh generasi muda, aktivis politik dan pergerakan protes bagi menyampaikan doktrin, ideologi dan sebaran propaganda secara pantas dan cepat (Kosmo 2018).

Menurut Mohd Azizuddin (2018) dalam PRU 2018, media sosial adalah media komunikasi paling dominan bagi para pengundi untuk melibatkan diri dengan parti politik. Menurut Laporan Berita Digital 2017, rakyat Malaysia adalah pengguna terbesar di dunia WhatsApp pada 51%. Laporan itu juga mendapati Facebook dan YouTube juga popular dengan rakyat Malaysia, yang pertama dengan 58% dan yang kedua dengan pengguna 26%. Saham pengguna WeChat dan Instagram berdiri pada 13%.

Menurut Mohd Azizuddin (2014) juga, media sosial adalah bersifat bergaya atau menjadi trend/ikutan, murah dan mudah diakses terutamanya untuk belia yang terdiri separuh daripada pengundi yang berjumlah 13.3 juta. Saluran dalam talian seperti Facebook, Twitter, YouTube, portal berita dan blog adalah popular dan menjadi saluran bagi parti politik untuk kempen dan sebagai kaedah untuk para pemimpin dan calon untuk bertemu dengan pemilih di kawasan masing-masing. Kesannya sangat besar bagi parti politik yang dapat memanfaatkan kelebihan mereka, menjadikan sesuatu PRU menjadi lebih berdaya saing dan menguatkan proses demokrasi di Malaysia.

Media sosial juga adalah kaedah penerimaan dan penyaluran maklumat yang penting dalam mempromosikan demokrasi. Ia membuka ruang bagi warganegara Malaysia untuk membincangkan isu-isu politik dan memberi peluang kepada pembangkang untuk memanfaatkan ruang kempen ketika pilihan raya. Dengan dasar ruang siber percuma, media sosial mempunyai potensi besar untuk memperkuatkan proses demokrasi di Malaysia (Mohd Azizuddin & Knocks Tapiwa Zengeni 2010).

Daripada apa yang dapat diteliti sepanjang kempen PRU-14 bahkan beberapa tahun sebelumnya, media sosial telah menjadi saluran penting dan utama bagi semua parti politik untuk berkomunikasi dengan ahli dan pengikut. Sepanjang tempoh kempen selama lebih dua minggu, kedua-dua parti utama iaitu BN dan juga PH (PKR, BERSATU, DAP dan AMANAH), menggunakan pelbagai saluran bukan sahaja untuk menyampaikan informasi dan maklumat terkini, tetapi juga turut digunakan untuk berinteraksi dengan rakyat melaluinya (Gomez 2018). Kesemua medium ini dimanfaatkan oleh pengundi muda dan mewujudkan kebangkitan orang muda yang 'membadai' BN sehingga BN dan PAS tewas teruk bagi saluran orang muda terutamanya di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu di Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Jelas sekali, dalam PRU-14, teknologi maklumat dan perkongsian isu dalam media sosial telah menjadi pemangkin perubahan sosial, termasuk mewujudkan satu kelompok generasi IT Savy yang mempraktis dan terserap dengan budaya politik baru sehingga menggunakan medan maya untuk melemahkan wibawa dan integriti pihak pemerintah dalam sistem politik negara. Kuasa politik internet ternyata bukan satu fenomena bermusim malah implikasinya makin kuat. Maka dalam konteks PRU-14 ianya adalah senjata paling ampuh digunakan PH melalui laskar 'Red Bean Army' yang cukup ditakuti oleh pemimpin BN.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, pengaruh media berperanan penting terhadap sokongan kepada parti politik. Hal ini menunjukkan bahawa jika sesebuah parti politik yang ingin mendapatkan sokongan dari rakyat, mereka sewajarnya memainkan peranan untuk meraih sokongan. Hal ini kerana, rakyat kini semakin bijak dalam memilih media yang lebih pantas dalam memberi maklumat yang terkini dan mereka juga sudah makin berani mengkritik sesebuah parti politik yang tidak membela nasib rakyat dan sekali gus memberi kesan pengaruh kepada sesebuah parti politik itu. Oleh itu, sewajarnya kedua-dua parti politik baik di pihak kerajaan mahupun pembangkang menguasai media alternatif yang lebih banyak menjadi pilihan netizen kini memandangkan media ini lebih pantas, mesra pengguna dan lebih efisien jika dibandingkan dengan media arus perdana yang masih bersifat tradisional dan tertumpu kepada golongan-golongan tertentu saja.

## **RUJUKAN**

- Abbe, O., Goodliffe, J., Herrnson, P. & Peterson, K. (2003). Agenda setting in congressional elections: the impact of issues and campaigns on voting behavior. *Political Research Quarterly*. 56(4): 419-430.
- Aikens, G.S. (1996). A history of Minnesota Electronic Democracy 1994. *First Monday*. 1(5): 115-124.
- Azahar Kasim & Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2016). Media Baharu dalam Kempen PRU-13 di Malaysia in *Pilihan Raya Umum ke-13: Refleksi Politik Perubahan*. Ed. Mohd Takiyuddin Ismail & Sity Daud. Pp 112-124. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azman Mahadi, Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2016). Tingkah Laku Pengundi dan Faktor Kejayaan Barisan Nasional: Kajian Kes FELDA Kuala Krau. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*. 12(9): 126-137.
- Baharuddin Aziz, Abdullah@Kassim Monamad, Rahmat Ghazali and Abd. Rasid Abd Rahman. (2000). A survey on the role and influence of the internet on voters during the 1999 Malaysian General Election. Universiti Teknologi MARA, IRDC.
- Balaraman, R. A. & Faridah Ibrahim. (2013). Kewartawanan dari Warga ke Warga: Punca Kewujudan dan Perkembangan di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysia Journal of Communication*. 29(2): 175-188.
- Bimber, B. (1998). The internet and political mobilization: Research note on the 1996 election season. *Social Science Computer Review*. 16(4): 391-401.
- Blood, Rebecca. (2006). Weblogs: A history and perspective, Rebecca's Pocket. 07 September 2000. 25 October 2006. <[http://www.rebeccablood.net/essays/weblog\\_history.html](http://www.rebeccablood.net/essays/weblog_history.html)>

- Carlson, T. & Djupsund, G., (2001). Old wine in new bottles? The 1999 Finnish election campaign on the internet. *Harvard International Journal of Press/Politics*. 6(1): 68-77.
- Corrado, A.C., & Firestone, C. (1996). *Elections in cyberspace: Toward a new era in American politics*. Washington, DC: Aspen Institute.
- D'Alessio, D. (1997). Use of the World Wide Web in the 1996 US Election. *Electoral Studies*. 16(4): 489-500.
- Fatimah Kamal & Ali Salman. (2015). Partisipasi Politik Belia Secara 'Online' Melalui Ruang Demokrasi Maklumat. *Jurnal Komunikasi Malaysia Journal of Communication*. 31(1): 81-100.
- Gan, P. S. & Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2015). Pengaruh Media Massa ke atas Penglibatan Politik Belia Cina. *Malaysia Journal of Youth Studies*. 16(6): 163-189.
- Gomez, J. (2018). Negative Campaigning Over Social Media: Polarisation and Political Violence During Malaysia's General Elections. In *Media and Elections Democratic Transition in Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Gomez, E. T. (1996). *The Malaysian general elections: A report and commentary*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Hayes, D. (2008). Does the messenger matter: candidate-media agenda convergence and its effect on voter issue salience? *Political Research Quarterly*. 16(1): 134-146.
- Herrnson, P.S., Stokes-Brown, A.K. & Hindman, M. (2007). Campaign politics and the digital divide constituency characteristics, strategic considerations, and candidate internet use in state legislative elections. *Political Research Quarterly*. 60(1): 31-42.
- Ibrahim Suffian. (2012). *PRU13: Anak Muda dan Media Baru*. Dicapai pada 20 Oktober 2016, daripada <https://merdekacenter.org.com>
- Jankowski, N.W., van Selm, M. (2008). Internet-based political communication research: Illustrations, challenges & innovation. *Javnost*. 15(2): 5-16.
- Johnson, T.J., Braima, M.A.M. & Sothirajah, J. (1999). Doing the traditional media sidestep: Comparing the effects of the internet and other nontraditional media with traditional media in the 1996 presidential campaign. *Journalism and Mass Communication Quarterly*. 76(1): 99-123.
- Junaidi Awang Besar. 2018a. Rencana Utama Menjelang Pilihan Raya Umum ke-14. Alam siber gelanggang pertarungan kempen pilihan raya. *Akhbar Kosmo!* Halaman 24. Sabtu. 24 Mac.
- Junaidi Awang Besar. 2018b. Menjelang Pilihan Raya Umum ke-14. Najib pimpin BN hadapi pilihan raya umum paling getir. *Akhbar Kosmo!* Halaman 10. Khamis. 5 April.
- Junaidi Awang Besar. 2018c. Analisis Kosmo! Menjelang Pilihan Raya Umum ke-14. Waspada berita palsu dalam kempen PRU-14'. *Akhbar Kosmo!* Halaman 11. Rabu. 2 Mei.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2011). Keperluan Belia dan Pendapat Politik di Kawasan Parlimen Muar, Johor. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-3*, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). 8-10 Februari 2011.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2015). Pengaruh Media Terhadap Pilihan Parti Politik dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Awam di Lembah Klang. *Jurnal Personalita Pelajar*. 18(1): 11-22.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2010). Politik Belia di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan

- Pinang, Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Ke-3, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran (PK3PPSPP)*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hotel Equatorial Bangi-Putrajaya. 20-21 Julai 2010.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi and Amer Saifude Ghazali. (2012). Impak Akses Internet Terhadap Partisipasi Politik. *The 8th International Malaysian Studies Conference (MSC8)*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Institut Kajian Oksidental dan Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia. 9-11 Julai.
- Junaidi Awang Besar. (2016). Perkaitan Sumber Maklumat dengan Sokongan kepada Parti Politik. *Jurnal Komunikasi Malaysia Journal of Communication*. 32(1): 23-49.
- Kosmo. (2018). 10 Mei.
- Lee, K. T., Aisah Meri, Liana Mat Nayan & Siti Suriani Othman. (2016). Kegunaan dan Kepuasan Portal Berita dalam Kalangan Belia Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysia Journal of Communication*. 32(2): 790-816.
- Lewicki, D. & Ziaukas, T. (2000). The digital tea leaves of election 2000: The internet and the future of presidential politics. *First Monday*. 5(12): 1-12.
- Lowrey, W. & Anderson, W. (2005). The journalist behind the curtain: participatory functions on the internet and their impact on perceptions of the work of journalism. *Journal of Computer Mediated Communication*. 10(3): 1-20.
- Meesuwan, S. (2016). The Effect of Internet Use on Political Participation: Could The Internet Increase Political Participation In Thailand?. *International Journal of Asia-Pacific Studies*. 12(2): 57-82.
- Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli & Ismail Sualman. (2010). Blog Politik Di Malaysia: Satu Perspektif Kritikal. *Persidangan Kebangsaan Ke-3 Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran (PPSPP)*. Hotel Equatorial, Bangi-Putrajaya. Anjuran: PPSPP, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) - Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia. 20-21 Julai.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani & Knocks Tapiwa Zengeni. (2010). Democratisation in Malaysia: The impact of social media in the 2008 general election. 18th Biennial Conference of the Asian Studies Association of Australia in Adelaide. 1-16.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2014). The Social Media Election In Malaysia: The 13th General Election In 2013. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*. 32(2): 123-147.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2018c). Battle royale on social media in the 2018 general election in Malaysia. *Asian Politics & Policy*. 10(3): 556-560.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2009). Pemerintahan Pakatan Rakyat (PR): Kajian Pungutan Pendapat Di Kalangan Kakitangan Awam, Negeri Selangor Darul Ehsan. *Persidangan International Conference Of Social Science And Humanity (ICOSH) 2009*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 2-3 Disember.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi Amer Saifude Ghazali & Novel Lyndon. (2012). Akses kepada internet dan kesannya terhadap partisipasi politik penduduk di Negeri Johor. *Geografi Online: Malaysia Journal of Society and Space*. 8(6): 76-89.
- Mohd Shamsul Daud, Marlia Idrus & Jasmin Ilyani Ahmad. (2009). Pilihan raya umum Malaysiake-12: media elektronik sebagai platform penyebaran maklumat. Dlm



- Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib and Abdul Kadir Rosline. *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor & Suhaimee Saahar@Saabar. (2009). Blogosphere: Ruangkontra hegemoni? Analisis terhadap blog politik Malaysia terpilih dalam PRU 2008. Dlm Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Muhammad Faisal Ashaari, Nor Faizah Ismail & Rosmawati Mohamad Rasit. (2019). Reaksi Netizen Muda terhadap Kebanjiran Maklumat di Alam Maya. *Jurnal Komunikasi Malaysia Journal of Communication*. 35(3): 390-406.
- Nur Azween Zakaria & Nidzam Sulaiman. (2009). Media alternatif sebagai agen perluasan ruangbersuara: Kajian kes pilihan raya umum ke-12. Dlm Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Ramanathan, S. (2008). Mainstream versus Alternate Media in Malaysia's General Election 2008: Hope for Media Liberalisation? A paper presented at the AMIC 2008 conference, Manila.
- Samsudin A. Rahim. (2010). Media, Demokrasi dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12. *Malaysian Journal of Communication*. 26(2): 1-15.
- Sassi, S. (2000). The controversies of the internet and the revitalization of local political life. In K.Hacker and J. van Dijk (eds). *Digital Democracy: Issues Of Theory And Practice*. Sage Publications. Thousand Oaks.
- Schlutz, W. (2004). Reconstructing mediatization as an analytical concept. *European Journal of Communication*. 19(1): 87-101.
- Schulz, W., Web, R & Quiring, O. (2005). Voters in a changing media environment. *European Journal of Communication*. 20(1): 55-88
- Suhaimee Saahar & Fuziah Kartini Hassan Basri. (2015). Strategi Kreatif Iklan Politik Barisan Nasional Pilihan Raya Umum ke-12: Makna dan Ideologi. *Prosiding Seminar Politik Malaysia* dlm, Worran Kabul et al. pp 705-721. Shah Alam: Pusat Penerbit Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA.
- Suhaimee Saahar. (2008). Isu-isu Utama Sebelum, Semasa dan Selepas PRU12: Satu Analisis Kandungan Blog-Blog Politik Malaysia Terpilih. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*. 35: 81-96.
- Usha Devi Rajaratnam. (2009). Role of Traditional and Online Media in the 12th, General Election, Malaysia. *Journal of the South East Asia Research for Communications and Humanities*. 1(1): 33-58.
- Vromen, A. (2007). Australian young people's participatory practices and internet use. *Information Communication and Society*. 10(1): 48-68.
- Wicks, R.H. & Souley, B. (2003). Going negative: Candidate usage of internet web sites during the 2000 presidential campaign. *Journalism and Mass Communication Quarterly*. 80(1): 128-144.
- Yang, H. & DeHart, J. (2016). Social Media Use and Online Political Participation Among College Students During the US Election 2012. *Social Media and Society*. 2(1): 118.
- Zaherawati Zakaria. (2009). Media: Ketelusan dalam pilihan raya Malaysia ke-12. Dlm WorranHj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline.



*Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.*

Zulkifli Abd. Latif & Nor Farhana Abdul Latif. (2014). Malaysia 13th General Election: YoungAdult's Perceptions towards Election Commission (EC) on the Manipulation of the Issue of Indelible Ink in Social Networking Sites (SNSs). *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*. 24(8): 269-274.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **JUNAIIDI AWANG BESAR**

Pengarang koresponden  
Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, Bangi, Selangor  
jab@ukm.edu.my

### **NUR ELLYANIS MOHD BASORI**

Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, Bangi, Selangor  
p97279@siswa.ukm.edu.my